



Nama : Muhammad Nasrul bin Abdul Rahim

Jabatan : Jabatan Modal Insan

Ext: 656

Nama buku : Ya Allah, Aku Lelah

Tempat terbitan : MIHAS GRAFIK SDN BHD

Penerbit : SYABAB BOOK LINK

Jumlah muka surat : 108 muka surat

Tahun terbitan : 2017

Sasaran umur : Kita semua, yang sering merasa lelah menjalani hidup penuh masalah.

Komen fizikal : a) Sebuah buku yang mudah dibawa ke mana sahaja kerana saiznya tidak terlalu besar malah tidak terlalu kecil.

b) Warna biru muda pada kulit hadapan dan belakang memberi ketenangan pada pertama kali melihat buku ini.

c) Kombinasi warna-warna di setiap halaman buku ini memberi 1 daya tarikan kepada pembaca. Ianya juga seakan terapi kepada si pembaca.

d) Kepelbagaian jenis font yang digunakan juga seolah memberi satu daya tarikan kepada pembaca untuk seronok membaca.

Elemen Biblioterapi : Memberi dorongan bagi mengatasi masalah kemurungan, trauma, kesedihan.

Positif : Buku ini memberikan aura dan semangat positif di dalam diri.

Negatif : tiada.

Kelebihan : Kelebihan buku ini adalah setiap isi "cerita" pada setiap helaian memberi nasihat dan aura semangat untuk bangkit semula dari kejatuhan.

Luahan Rasa : Buku ini memberikan rasa untuk kembali kepada fitrah kehidupan. Kebergantungan sepenuhnya kepada Allah SWT. Bersangka baik kepada Allah SWT. Disebalik suatu ujian yang menimpa terdapat 1001 hikmah yang Allah berikan tanpa kita sedari. Ujian yang Allah berikan adalah petanda yang Allah rindu untuk terima doa-doa dari kita.

Sinopsis

Penceritakan tentang manusia yang sering kali ditimpa masalah, ujian dan musibah di dalam kehidupan sehari-hari. Akibat dari permasalahan yang tidak putus-putus, maka timbullah rasa penat dan lelah di dalam diri, hati dan jiwa sekali gus mewujudkan rasa kejatuhan diri serta menyerah kalah dan tidak mampu lagi untuk meneruskan kehidupan. Hadirnya buku ini sememangnya memberi dorongan dan semangat untuk bangkit semula dari kejatuhan dalam kehidupan.

